



INTERNATIONAL RESEARCH JOURNAL
OF SHARIAH, MUAMALAT AND ISLAM
(IRJSMI)

www.irjsmi.com



PERANAN ZAKAT DI MALAYSIA DALAM MENDEPANI
PANDEMIK COVID-19

*THE ROLE OF ZAKAT IN MALAYSIA IN DEALING WITH THE COVID-19
PANDEMIC*

Muhammad Hanif Mohd Noor^{1*}, Muhammad Aiman Abdull Rahim², Wan Abdul Rahman Wan
Ibrisam Fikry³, Aminudin Hehsan⁴

¹ Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia
Email: hanif96@graduate.utm.my

² Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia
Email: aiman-1995@graduate.utm.my

³ Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia
Email: warwif94@gmail.com

⁴ Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia
Email: ahehsan@utm.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 31.07.2021

Revised date: 15.08.2021

Accepted date: 25.08.2021

Published date: 01.09.2021

To cite this document:

Noor, M. H. M., Rahim, M. A. A.,
Fikry, W. A. R. W. I., & Hehsan, A.
(2021). Peranan Zakat Di Malaysia
Dalam Mendepani Pandemik Covid-
19. *International Research of Shariah,
Muamalat and Islam*, 3 (8), 21-30.

DOI: 10.35631/IRJSMI.38002.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pandemik COVID-19 yang melanda, mengejutkan seluruh dunia, tidak mengira bangsa ataupun agama. Kesan daripada pandemik dapat dirasai samada dari sudut kesihatan, sosial, dan ekonomi. Impak yang diberikan jelas menjejaskan pertumbuhan ekonomi dunia, khususnya di Malaysia. Di sebalik musibah yang melanda, dapat dilihat bantuan yang dihulurkan oleh warga dunia khususnya masyarakat di Malaysia bagi membantu mereka yang terkesan dan terjejas akibat daripada pandemik COVID-19 ini. Institusi zakat di Malaysia juga tidak terlepas melaksanakan tugas mereka membantu asnaf-asnaf yang memerlukan bantuan khusus semasa pandemik ini. Maka dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji dengan lebih mendalam tentang bantuan yang diberikan dan saluran yang digunakan untuk membantu asnaf zakat yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengetahui kesan bantuan yang diberikan kepada asnaf kepada pertumbuhan ekonomi negara semasa pandemik. Metodologi yang digunakan adalah analisis kandungan daripada kajian-kajian terhadap zakat dan data-data daripada institusi zakat. Hasil kajian menunjukkan kesan yang positif terhadap ekonomi penerima dengan bantuan yang diterima oleh asnaf daripada institusi zakat.

Kata Kunci:

Zakat, Pandemi, Bantuan, COVID-19, Malaysia.

Abstract:

The COVID-19 pandemic that struck, shocks the whole world, regardless of race or religion. The effects of a pandemic can be felt from a health, social and economic point of view. The impact clearly affects the growth of the world economy, especially in Malaysia. Despite the pandemic, we can see the assistance extended by the people of the world, especially the community in Malaysia to help those effected and affected by the COVID-19 pandemic. Zakat institutions in Malaysia have also not missed out on their duty to help asnaf who need special assistance during this pandemic. So, in this study, the researcher will study in more depth the assistance provided and the channels used to help the zakat asnaf affected by the COVID-19 pandemic. In addition, this study also aims to determine the impact of assistance given to asnaf on the country's economic growth during the pandemic. The methodology used is content analysis from studies on zakat and, data from zakat institutions. The results of the study showed a positive effect on the economy of the recipients with the assistance received by the asnaf from the zakat institution.

Keywords:

Zakat, Pandemic, COVID-19

Pendahuluan

Pandemik COVID-19 memberi impak yang sangat besar terhadap kehidupan manusia sama ada dari segi ekonomi, sosial, pendidikan dan lain-lain. Keadaan yang dahulu normal bertukar dalam sekelip mata kepada keadaan yang merunsingkan. Kesan pandemik ini dirasakan oleh setiap manusia di atas muka bumi pada hari ini. Keadaan ekonomi dan kesihatan menjadi semakin buruk dan merosot sehingga menyebabkan berlakunya perubahan yang ketara terhadap taraf kehidupan seseorang. Islam adalah agama yang membawa rahmat buat sekalian alam. Islam adalah agama yang mencakupi seluruh aspek kehidupan, bukan hanya menyentuh bab hubungan manusia dengan Tuhan akan tetapi termasuk hubungan manusia dengan makhluk. Sistem zakat yang telah lama wujud dalam perundangan Islam adalah solusi utama untuk membantu meringankan beban mereka yang ditimpa ujian hidup seterusnya membaik pulih ekonomi umat Islam terutama pada saat krisis seperti hari ini.

Zakat

Zakat berasal daripada perkataan arab yang membawa maksud baik, suci, bertambah dan berkembang. Dari segi istilah, zakat bererti sejumlah harta tertentu yang diwajibkan oleh Allah SWT untuk diagihkan kepada mereka yang berhak (al-Qaradhawi, 1987). Zakat merupakan salah satu rukun daripada rukun-rukun Islam yang berkaitan dengan hak seorang Muslim terhadap penciptanya dan hak seorang Muslim terhadap Muslim yang lain. Zakat adalah ibadah yang merangkumi sosial, kewangan dan sistem ekonomi yang perlu kepada ijtihad dan qiyas yang berterusan untuk disesuaikan dengan keadaan dan masa (Mohamad Zaim Ismail, 2015). Allah SWT telah berfirman dalam Surah al-Taubah ayat 71 yang menerangkan tentang ciri-ciri orang beriman dan kewajipan zakat yang bermaksud:

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagiannya menjadi penolong bagi sebahagian yang lain; mereka menyuruh berbuat kebajikan dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasulnya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.” (al-Taubah: 71)

Maqasid Syariah

Maqasid Syariah terdiri daripada dua perkataan iaitu *Maqasid* yang membawa maksud menuju, berjalan lurus, kebenaran dan keadilan (Fairuzabadi, 1971). Seterusnya, *Syariah* yang membawa maksud kaedah hidup yang memandu manusia. *Maqasid Syariah* pula bermaksud hikmah dan makna yang diambil kira oleh syara' dalam keseluruhan atau sebahagian aspek pensyariatannya (Ibn Asyur, 2001). *Maqasid Syariah* ialah objektif hukum syara' serta rahsia Allah dalam penetapan sesuatu hukum daripada hukum-hukumNya (al-Fasi, 1993). Al-Ghazali mengkategorikan *Maqasid Syariah* kepada dua bahagian iaitu al-Dini (berkaitan agama) dan al-Dunyawi (berkaitan dunia) (Imran Ahsan, 2000). Al-Syatibi membahagikan *Maqasid Syariah* kepada tiga kategori utama iaitu *al-Dharuriyyat* (keperluan), *al-Hajiyyat* (kehendak), dan *al-Tahsiniyyat* (kelengkapan) (al-Qaradhawi, 1993).

Al-Dharuriyyat pula terbahagi kepada lima cabang iaitu *hifz al-din* (penjagaan agama), *hifz al-nafs* (penjagaan nyawa), *hifz al-nasl* (penjagaan keturunan), *hifz al-'aql* (penjagaan akal) dan *hifz al-mal* (penjagaan harta) (al-Syatibi, 1996). Dalam membincangkan ilmu *Maqasid Syariah*, al-Syatibi (1996) turut membawa isu *masalah* (kebaikan) dan *mafsadah* (keburukan) sebagai kayu ukur penetapan sesuatu hukum atau ijtihad. Setiap pandangan atau ijtihad perlu bersandarkan kepada pemeliharaan lima cabang *al-Dharuriyyat* agar *masalah* dapat dicapai dan *mafsadah* dapat dielak.

Zakat Dan Sejarah Awal Dalam Menangani Krisis

Sejarah zakat ini bermula dengan pensyariatannya secara umum di Mekah. Kemudian ia mula disyariatkan secara khusus beserta perincian syarat-syaratnya pada tahun ke-2 Hijrah ketika Nabi Muhammad s.a.w berada di Madinah berdasarkan kepada penurunan ayat 141 Surah al-An'am (Ibn Kathir, 1998). Melalui pensyariatannya ini, zakat menjadi salah satu instrumen yang berperanan membantu masyarakat Muslim mengembangkan potensi dan menghadapi krisis yang melanda sama ada berskala mikro atau makro.

Bermula pada zaman pemerintahan Nabi s.a.w, zakat menjadi salah satu inisiatif bagi menangani krisis kemiskinan yang melanda masyarakat Madinah. Salah satu contoh yang jelas ialah pemberian zakat kepada golongan Ahli Suffah yang menetap di Masjid Nabawi (Al-Muqid, 2015). Ini berdasarkan kepada sandaran Hadis Nabi s.a.w yang dinukilkan oleh Al-Bukhari (2001) melalui periwayatannya oleh Abu Hurairah yang berikut:

Maksud: Dan Ahli Suffah merupakan tetamu-tetamu Islam. Mereka tidak memiliki harta, ahli keluarga bahkan sesiapa pun (yang mampu membantu mereka). Jika Rasulullah s.a.w diberikan sedekah (zakat), Baginda mengutuskan pemberian itu kepada mereka dan tidak mengambil sedikit pun daripadanya. Jika Baginda diberikan hadiah, Baginda akan menikmati hadiah tersebut dan berkongsi bersama-sama mereka (Ahli Suffah). (Riwayat Bukhari: Hadis No 6452)

Ahli Suffah merupakan golongan para sahabat Nabi s.a.w berwarganegara Mekah yang mengikuti ekspedisi penghijrahan besar-besaran ke Madinah. Ketika itu, mereka terpaksa meninggalkan aset dan harta mereka di Mekah serta tidak mempunyai ahli waris di Madinah yang boleh membantu. Walaubagaimana pun, golongan ini semakin lenyap selepas peristiwa pembukaan semula Mekah dan perluasan kawasan wilayah yang menatijahkan kepada pemilikan semula harta mereka dan peningkatan kestabilan ekonomi mereka (Al-'Umari, 1994; Ibn al-Jauzi, 2001). Peristiwa ini membuktikan bahawa zakat berupaya menjadi alat sokongan kepada masyarakat Muslim ketika berlakunya krisis dan bencana.

Bantuan Institusi Zakat Dalam Pandemik COVID-19

Zakat yang dikeluarkan oleh mereka yang wajib membayar disalurkan kepada mereka yang memerlukan. Dalam suasana biasa yang berlaku sebelum pandemik COVID-19, bantuan diberikan kepada asnaf, atau orang yang layak menerima, secara berkala atau bantuan *one-off*. Setiap institusi atau pusat zakat sentiasa bersungguh-sungguh membantu mengagihkan bantuan kepada yang memerlukan. Tekanan ekonomi yang dihadapi rakyat amat membimbangkan selepas kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tanggal 18 Mac 2020. Ramai dikalangan rakyat terkesan disebabkan sektor ekonomi yang kebanyakannya tidak dapat dijalankan. Dalam sebuah laporan kajian yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 14 April 2020, hampir keseluruhan penduduk di Malaysia seramai 33.8 juta rakyat terkesan dengan pelaksanaan PKP. Selain daripada impak kepada sektor ekonomi, gaya hidup rakyat seperti sektor pendidikan, kesihatan, keselamatan, aktiviti keagamaan, dan hubungan sosial juga terjejas dengan PKP ini. Justeru, pelbagai pihak menjalankan tugas membantu merawat kegawatan ekonomi yang berlaku. Institusi zakat tidak terlepas membantu dengan pelbagai jenis bantuan kepada mereka yang memerlukan, tidak terhad kepada asnaf yang dibantu sebelum pandemik berlaku.

Bantuan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

Sebagai salah satu institusi zakat terbesar di Malaysia, MAIWP terus menerus memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan tidak terhad kepada asnaf zakat sahaja. Dalam laporan yang dikeluarkan oleh MAIWP (“Maklumat Bantuan Kecemasan #MUSAADAHCOVID19 MAIWP,” 2021), sebanyak RM25.11 juta telah disalurkan kepada pelbagai pihak yang memerlukan melalui program Musaadah COVID-19 MAIWP. Terdapat lima jenis peruntukan khas diberikan oleh MAIWP untuk COVID-19 ini. Bantuan kewangan zakat secara bulanan, sebanyak RM9.67 juta, yang diberikan kepada 24,196 asnaf dipercepatkan kepada tarikh 19 hari bulan setiap bulan. Ini merupakan satu langkah membantu dan memudahkan urusan ekonomi keluarga asnaf yang memerlukan untuk kelangsungan kehidupan. Selain itu, bantuan khas tambahan RM500 seorang kepada 24,196 asnaf juga disalurkan tambahan daripada bantuan bulanan yang diterima.

Di samping itu, peranan MAIWP tidak terhenti setakat asnaf, akan tetapi bantuan juga diberikan kepada hospital sekitar Wilayah Persekutuan. Sebanyak RM3.27 juta dalam bentuk bantuan peralatan pernafasan diberikan kepada tujuh buah hospital. Ini sesuai dengan keperluan yang meningkat semasa COVID-19. Kemudian, sebanyak RM49000 diperuntukkan bagi bantuan makanan harian sepanjang PKP diberikan pada tujuh lokasi dan RM15000 diperuntukkan untuk bantuan bantal dan tilam di pusat khusus gelandangan. Laporan yang dikeluarkan ini menunjukkan komitmen MAIWP membantu mereka yang memerlukan.

Bantuan Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Peranan institusi zakat membantu asnaf diteruskan walaupun berlaku pandemik COVID-19. Selain bantuan kewangan bulanan yang diberikan, LZS telah memperuntukkan RM11.8 juta bantuan khas COVID kepada 27,536 orang penerima. LZS juga tidak terlepas memberi bantuan peralatan perubatan kepada 13 buah klinik dan hospital terpilih di Selangor, dengan peruntukan sebanyak RM0.8 juta. Tidak dilupakan juga, LZS telah memberi bantuan makan kepada pelajar Institut Pengajian Tinggi dan pusat jagaan menerusi 21 buah institusi di sekitar Selangor (Lembaga Zakat Selangor, 2020).

Bantuan Majlis Agama Islam Johor (MAIJ)

MAIJ juga tidak terlepas berperanan membantu mereka yang terkesan dengan COVID-19 ini. Sebagai institusi yang menguruskan kutipan dan agihan zakat, MAIJ telah memperuntukkan RM5.7 juta dalam pelbagai bentuk bantuan dan sumbangan semasa PKP pada 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 (“Majlis Agama Islam Johor - Facebook,” 2020). Bantuan tunai tambahan kepada asnaf diberikan tambahan daripada bantuan bulanan yang dipercepatkan bagi meringankan beban asnaf di negeri Johor. Selain itu, RM310,000 telah dibelanjakan bagi memberikan bantuan *one off* kepada individu yang disahkan positif COVID-19 dan ahli keluarga mereka serta kepada keluarga atau waris pesakit yang meninggal akibat daripada COVID-19.

Kesemua bantuan yang diberikan ini selari dengan tujuan institusi atau pusat zakat yang menjadi saluran utama membantu masyarakat yang berada dalam kesusahan. Berdasarkan carian pengkaji terhadap laman sesawang rasmi Majlis Agama Islam setiap negeri, dapat diringkaskan jenis bantuan dan jumlah bantuan yang diagihkan, dengan beberapa pengecualian beberapa pusat zakat. Data yang diambil ini merupakan data dari PKP pada Mac 2020 dan bukan yang terkini disebabkan sebahagian maklumat tidak dapat ditemui.

Jadual 1: Bantuan Khas COVID-19 yang Diberikan oleh Pusat-Pusat Zakat di Seluruh Malaysia

Pusat Zakat	Jenis Bantuan	Jumlah Bantuan (RM)
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	Bantuan Zakat Bulanan dipercepatkan Bantuan Zakat Khas Bantuan Peralatan Pernafasan di Hospital Bantuan Makanan Harian PKP Bantuan Bantal & Tilam untuk Gelandangan Bantuan Gelombang Ketiga COVID-19	64.09 juta
Lembaga Zakat Selangor (LZS)	Bantuan Khas COVID Bantuan Peralatan Perubatan Bantuan Makanan IPT & Pusat Jagaan	12.7 juta
Majlis Agama Islam Johor (MAIJ)	Bantuan Tunai Tambahan Bantuan <i>One Off</i> Pesakit COVID Bantuan <i>One Off</i> Hilang Punca Pendapatan Bantuan Pelajar Mesir & Jordan Bantuan Tahfiz Dan Madrasah Bantuan Aset Perubatan Dan Bukan Perubatan Bantuan Peniaga Kecil Asnaf MAINJ	5.7 juta

	Bantuan <i>One Off</i> OKU	
Zakat Pulau Pinang	Pakej bantuan khas zakat COVID-19 Skim bantuan makanan kecemasan PKP 3.0	Tiada Maklumat
Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)	Bantuan Hospital Bantuan Agihan Khas Skim Bantuan Khas PdPR Bantuan Makanan Penduduk Terjejas TEMCO	39.4
Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak	Bantuan Kotak Makanan Bantuan Kecemasan Kelangsungan Hidup Bantuan Khas Modal Pusingan Bantuan Terputus Bekalan Makanan Bantuan Pengurusan dan Kebajikan Pelajar Luar Negara Sumbangan Khas Petugas Barisan Hadapan COVID-19 Sumbangan Khas Peralatan Kesihatan dan Perubatan Sumbangan Khas Peralatan Pencegahan COVID-19 Pelan Kontingensi	11.95
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	Bantuan Khas COVID-19	12.8
Majlis Agama Islam Melaka	Bantuan Khas COVID-19	4.26
Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang	Bantuan Khas COVID-19 2021 Agihan barangan asas	1.13
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)	Agihan Zakat Sumbangan Topeng Muka	101.3
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)	Bantuan Khas COVID-19	68
Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)	Sumbangan kepada Kementerian Kesihatan Bantuan One Off kepada Asnaf Bantuan Kepada Hospital	3.66
Tabung Baitulmal Sarawak	Bantuan Khas COVID-19	Tiada Maklumat
Majlis Agama Islam Dan Ada Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)	Inisiatif Bantuan Rangsangan Asnaf MAIPs	5.5

*Data yang dikumpulkan terhad kepada data yang sedia ada di laman sesawang majlis agama negeri atau pusat zakat negeri.

Sumber: (Lembaga Zakat Selangor, 2020; Majlis Agama Islam Negeri Johor, 2021; Dana Khas Agihan Zakat Membantu Usaha Menghadapi Pandemik Wabak Covid-19, 2020; "Pemberian Bantuan Khas MAIM COVID-19 Negeri Melaka," n.d.; "MAINS Sediakan Peruntukkan Khas Covid-19," 2020; "PBMains Salur Bantuan RM8.5 Juta," 2020; Lembaga Zakat Selangor, 2020; "Covid-19: MAIK Agih Zakat RM12.6 Juta Bantu Asnaf," 2020; "MAIK Belanjakan RM33.4 Juta Bantu Rakyat Terjejas Covid-19," 2021; "RM22 Juta Diperuntukkan Bantu Penduduk Terjejas COVID-19 Di Kelantan," 2021; "MAIDAM SUMBANG 4,000 TOPENG MUKA UNTUK

CALON SPM,” 2021; “COVID-19: MAIPk Peruntuk RM11.95 Juta Dana Khas Agihan Zakat,” 2020; “COVID-19: Pusat Zakat Sabah Beri Bantuan Khas Kepada 9,600 Penerima,” 2020; “COVID-19: Pusat Zakat Sabah Sumbang RM1.4 Juta Bantu Kementerian Kesihatan,” 2020; “Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang,” n.d.)

Kesan Bantuan Institusi Zakat Kepada Penerima

Bantuan dan agihan yang diberikan oleh pusat-pusat zakat memberi impak yang positif terhadap penerima zakat. Allah telah melimpahkan kurniaan kepada ramai manusia bukanlah untuk dikumpul buat dirinya sahaja. Dalam setiap harta yang diperolehi, ada di sana hak-hak yang perlu diberikan kepada golongan yang memerlukan. Zakat yang diwajibkan ke atas setiap Muslim yang cukup haul dan nisab pasti akan dapat membantu golongan yang memerlukan kerana zakat merupakan mekanisme pengagihan kekayaan yang diiktiraf oleh agama Islam (Patmawati Hj Ibrahim, 2008). Terdapat banyak kajian berbentuk empirikal yang menunjukkan keberkesanan atau peranan zakat dalam membantu masyarakat dari aspek ekonomi. Menurut Patmawati Hj Ibrahim (2006), kesan agihan zakat terhadap agihan pendapat dalam kalangan penerima zakat dari asnaf fakir miskin memberikan kesan yang baik. Berdasarkan kajiannya lagi, dengan agihan zakat, ketidakseimbangan agihan pendapatan dalam kalangan asnaf fakir miskin berjaya dikurangkan (Patmawati Hj Ibrahim, 2008). Hal ini hanya mampu dilaksanakan apabila setiap mereka yang wajib membayar zakat menunaikan tanggungjawab sosialnya terhadap masyarakat.

Pemberian zakat kepada mereka yang memerlukan ini perlulah dikelola dengan baik agar impaknya kepada kehidupan penerima lebih besar. Zakat produktif atau zakat yang dengan pemberiannya membolehkan penerima menghasilkan sesuatu secara berterusan adalah bantuan zakat yang terbaik dalam suasana yang realistik (Amalia & Mahalli, 2012). Bantuan zakat kepada mereka yang bekerja sendiri sedikit sebanyak dapat membantu meringankan kesusahan yang dihadapi terutamanya dalam pandemik COVID-19 sebagaimana yang dilaporkan dalam kajian Block, Kritikos, Priem, & Stiel (2021) terhadap bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Jerman kepada rakyat mereka.

Maqasid syariah dapat dicapai dengan bantuan-bantuan yang diberikan oleh pusat zakat ini kepada mereka yang memerlukan. *Hifz al-Nafs* atau menjaga nyawa, adalah salah satu daripada lima maqasid syariah yang perlu dijaga. Bekalan makanan yang diberikan kepada mereka yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) merupakan inisiatif yang amat perlu dilakukan bagi memastikan kelangsungan kehidupan mereka dapat diteruskan. Selain itu, bantuan *one-off* yang di berikan oleh pusat zakat negeri kepada asnaf semasa PKP Mac 2020 merupakan inisiatif yang amat perlu dilakukan demi membantu masalah kewangan yang dihadapi asnaf dengan terhentinya aktiviti ekonomi pada ketika itu, dan ini secara tidak langsung telah memelihara kepentingan harta sebagaimana dituntut dalam Islam menerusi maqasid *Hifz al-Mal*.

Kesimpulan

Zakat merupakan elemen penting dalam sektor ekonomi sesebuah negara terutama kepada masyarakat Muslim. Manfaat zakat tidak terhad hanya kepada pembayar zakat sebagaimana firman Allah:

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk);

dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.” (QS. At-Taubah: 103)

Peranan zakat juga boleh dilihat kepada penerima atau asnaf yang menerima zakat. Pusat pungutan zakat setiap negeri bertindak dengan pantas dan cekap apabila negara menghadapi wabak COVID-19 dengan saluran dan agihan bantuan yang diberikan kepada asnaf. Ini membuktikan bahawa setiap zakat yang dibayar telah dimanfaatkan dan diagihkan. Zakat juga memainkan peranan menjaga maqasid syariah yang digariskan oleh Islam sebagai perkara yang amat penting untuk dijaga. Namun, kecekapan sebahagian institusi zakat dalam mengemas kini maklumat berkaitan bantuan perlu diperbaiki. Ini bagi memastikan akauntabiliti atau rasa tanggungjawab sebagai institusi yang menguruskan pembayaran dan pengagihan zakat yang melibatkan jutaan ringgit setiap tahun, dapat dipertanggungjawabkan.

Penghargaan

Kertas kajian ini mendapat sokongan daripada Kementerian Pengajian Tinggi di bawah Skim Geran Penyelidikan Asas (FRGS/1/2020/SS03/UTM/02/1, Cost center no. R.J130000.7853.5F386). Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada semua individu yang telah memberikan sumbangan dalam makalah ini.

Rujukan

- Al-Fairuz Al-Abidi (1971), al-Qamus al-Muhit, Beirut, Muassasah al-Risalah.
- Al-Syatibi (1996). Al-Muwafaqat Fi Usul Al-Syariah, Beirut, Dar Al-Ma'rifah.
- Al-'Umari, A. (1994). *Al-Sirah al-Nabawiyah al-Sahihah Muhawalah Li al-Tatbiq Qawa'id al-Muhaddithin Fi Naqd Riwayat al-Sirah al-Nabawiyah* (6th ed.). Madinah: Maktabah al-'Ulum Wa al-Hikam.
- Al-Bukhārī, M. I. (2001). *Al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar Min Umūr Rasūl Allah* (1st ed.). Beirut: Dār Tauq an-Najāh.
- Al-Muqid, M. (2015). *Wasa'il Mu'alajah al-Faqr Fi al-'ahd al-Nabawi*. Islamic University of Madinah.
- Amalia, A., & Mahalli, K. (2012). Potensi Dan Peranan Zakat Dalam Mengentaskan Kemiskinan Di Kota Medan. *Jurnal Ekonomi Dan Kewangan*, 1(1), 70–87.
- Block, J. H., Kritikos, A. S., Priem, M., & Stiel, C. (2021). Emergency Aid for Self-Employed in the COVID-19 Pandemic: A Flash in the Pan? *SSRN Electronic Journal*. <https://doi.org/10.2139/ssrn.3769319>
- Covid-19: MAIK agih zakat RM12.6 juta bantu asnaf. (2020). Retrieved June 21, 2021, from <https://www.sinarharian.com.my/article/77994/EDISI/Kelantan/Covid-19-MAIK-agih-zakat-RM126-juta-bantu-asnaf>
- COVID-19: MAIPk peruntuk RM11.95 juta Dana Khas Agihan Zakat. (2020). Retrieved June 21, 2021, from <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/03/669145/covid-19-maipk-peruntuk-rm1195-juta-dana-khas-agihan-zakat>
- COVID-19: Pusat Zakat Sabah beri bantuan khas kepada 9,600 penerima. (2020). Retrieved June 21, 2021, from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-pusat-zakat-sabah-beri-bantuan-khas-kepada-9600-penerima-265069>
- COVID-19: Pusat Zakat Sabah sumbang RM1.4 juta bantu Kementerian Kesihatan. (2020). Retrieved June 21, 2021, from https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1899133

- Dana Khas Agihan Zakat Membantu Usaha Menghadapi Pandemik Wabak Covid-19.*, (2020).
- Ibn al-Jauzi, A. al-R. (2001). *Talbis Iblis* (1st ed.). Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Asyur (2001). *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*, Amman: Dar al-Nafa'is
- Ibn Kathir, I. (1998). *Tafsir al-Qur'an al-Azim* (1st ed.; M. H. Syams Ad-Din, Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ilal Al-Fasi (1993), *al-Maqasid as-Syariah wa Makarimiha*, Beirut, Dar al-Gharb Al-Islami.
- Imran Ahsan Khan Nyazee (2000). *Outlines of Islamic Jurisprudence* (e-book). Islambad: Advanced Legal Studies Institute.
- Lembaga Zakat Selangor. (2020). *Pecahan Keutamaan Agihan Zakat bagi Tempoh Mac Sehingga Mei 2020*. Retrieved from <https://www.zakatselangor.com.my/informasi/laporan-aktiviti-zakat/>
- MAIDAM SUMBANG 4,000 TOPENG MUKA UNTUK CALON SPM. (2021, February 11). Retrieved June 21, 2021, from <http://www.maidam.gov.my/index.php/ms/pusat-maklumat/berita-maidam/741-maidam-sumbang-4-000-topeng-muka-untuk-calon-spm>
- MAIK belanjakan RM33.4 juta bantu rakyat terjejas Covid-19. (2021). Retrieved June 21, 2021, from <https://www.sinarharian.com.my/article/121299/EDISI/MAIK-belanjakan-RM334-juta-bantu-rakyat-terjejas-Covid-19>
- MAINS sediakan peruntukkan khas Covid-19. (2020). Retrieved June 21, 2021, from <https://www.sinarharian.com.my/article/76098/EDISI/Melaka-NS/MAINS-sediakan-peruntukkan-khas-Covid-19>
- Majlis Agama Islam Johor - Facebook. (2020). Retrieved June 21, 2021, from <https://www.facebook.com/zakatjohor/posts/bantuan-dan-sumbangan-covid-19majlis-agama-islam-negeri-johor-sepanjang-perintah/1451766028331882/>
- Majlis Agama Islam Negeri Johor. (2021). Majlis Agama Islam Negeri Johor. Retrieved June 21, 2021, from <https://www.maij.gov.my/?s=covid>
- Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang. (n.d.). Retrieved June 21, 2021, from <http://www.muip.gov.my/v4/>
- Maklumat Bantuan Kecemasan #MUSAADAHCOVID19 MAIWP. (2021). Retrieved June 21, 2021, from <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/makumat-bantuan-kecemasan-musaadahcovid19-maiwp>
- Mohamad Zaim Isamail (2015). *Aplikasi Ijtihad Dalam Isu Zakat: Satu Tinjauan*. E-Prosiding Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015. 6-7 Okt 2015. Kuala Lumpur. MAIWP.
- Patmawati Hj Ibrahim. (2006). *Economic Role of Zakat in Reducing Income Inequality and Poverty in Selangor*. Universiti Putra Malaysia.
- Patmawati Hj Ibrahim. (2008). *Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal*. *Jurnal Syariah*, 16(2), 1–24.
- PBMains salur bantuan RM8.5 juta. (2020). Retrieved June 21, 2021, from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/11/636831/pbmains-salur-bantuan-rm85-juta>
- Pemberian Bantuan Khas MAIM COVID-19 Negeri Melaka. (n.d.). Retrieved June 21, 2021, from <https://www.maim.gov.my/index.php/my/pengumuman/1225-bantuan-covid>
- RM22 juta diperuntukkan bantu penduduk terjejas COVID-19 di Kelantan. (2021). Retrieved June 21, 2021, from <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/12/765963/rm22-juta-diperuntukkan-bantu-penduduk-terjejas-covid-19-di-kelantan>

Yusuf al-Qaradhawi (1987). Hukum Zakat, Singapura: Penerbitan Pustaka Nasional Pte Ltd.

Yusuf al-Qaradhawi (1993). Madkhal li-dirasatil-Shari'ah al-Islamiyyah. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.